

NO. SOALAN : 25

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN KHOO SOO SEANG [TEBRAU]

TARIKH : 21 MAC 2016 (ISNIN)

SOALAN : 25

YB Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah kesan terhadap pelan pembangunan yang telah dirancang khususnya di kawasan-kawasan luar bandar akibat daripada kejatuhan nilai Ringgit secara mendadak.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan pada 28 Januari 2016 telah mengumumkan langkah-langkah pengubahsuaian Bajet 2016. Selaras dengan pengumuman tersebut, aliran tunai peruntukan Belanja Pembangunan (DE) bagi tahun 2016 telah dikurangkan sebanyak RM4 bilion menjadikannya sebanyak RM46 bilion berbanding RM50 bilion sebelum ini. Pengurangan peruntukan DE ini turut melibatkan projek-projek di kawasan luar bandar. Walau bagaimanapun, pengubahsuaian peruntukan tidak melibatkan pembatalan projek tetapi pengurangan aliran tunai projek tahun 2016. Ini bermakna projek pembangunan luar bandar yang telah dirancang akan diteruskan pada tahun 2016 dan pada tahun-tahun seterusnya.

2. Dalam konteks penyusutan kadar pertukaran nilai ringgit, kesan ke atas pelaksanaan projek adalah bergantung kepada keperluan bahan atau komponen yang diimport. Bagi projek-projek luar bandar yang kebanyakannya terdiri dari projek infrastruktur dan utiliti, projek-projek tertentu sahaja yang melibatkan komponen import yang kecil dalam proses pembinaan. Umpamanya, talian grid hanya memerlukan komponen import antara 5% hingga 10% manakala, sistem solar hibrid memerlukan komponen import dalam lingkungan 10% hingga 15% dalam program Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB). Bagi program Bekalan Air Luar Bandar (BALB), projek menaiktaraf atau membina loji bekalan air sahaja yang memerlukan komponen import 10% hingga 15%. Bagi program Jalan Luar Bandar (JALB) dan Jalan Perhubungan Desa (JPD) tidak melibatkan komponen import.

Oleh itu, penyusutan kadar pertukaran nilai ringgit tidak memberi kesan yang besar ke atas projek dan pelan pembangunan luar bandar dan kenaikan kos import ini boleh ditangani oleh Kerajaan.

Sekian. Terima kasih.